

Program Seni Bina

Programme of Architecture

Profesor /Professors

Sr. Ts. Dr. Adi Irfan Che Ani

DipBldSurv (UiTM), BSc.(Hons) BldSurv (UiTMalaysia), Ph.D (UMalaya)
Penilaian Prestasi Bangunan, Pengurusan Perumahan Bertingkat, Penyelenggaraan Sistem Penuaian Air Hujan, Penyelenggaraan Bangunan & Pengurusan Fasilitas (*Building Performance, High Rise Residential Management, Building Maintenance & Rain-water Harvesting, Building Maintenance & Facility Management*)

Profesor Madya /Associate Professors

Ar. Dr. Ismar Minang Satotoy Usman

Dip Arch. (ITM), Adv. DipArch. (ITM), Ph.D (UKMalaysia)
P. Arch. LAM, APAM, AIPDM
Amalan Profesional & Pengurusan, Keusahawanan, Reka Bentuk Bangunan Tinggi dan Perbandaran (*Professional Practice and Management, Entrepreneurship, Urban Planning and Highrise Building Design*)

Ar. Dr. Mohd Farid Mohamed

BA. (Hons) (Liverpool), BArch. (Hons.), MSc. ICPM (UiTMalaysia), Ph.D (UNSW)
Pengudaraan Bangunan (*Building Ventilation*)

Dr. Wardah Fatimah Mohammad Yusoff

BSc. Arch (Hons), BArch. (Hons) (UiAMalaysia), MSc. (Cardiff),
PhD (UPMalaysia)
Seni Bina Sains Alam Sekitar (*Environmental Science*)

Dr. Nik Lukman Nik Ibrahim

BA EnvDesign (Tasmania), BArch.(Launceston), MPhilArch., Ph.D (Sydney)
Rekabentuk Pencahayaan Siang, Teori dan Tipologi (*Daylight, Illumination Design*)

IDr. Dr. Azimin Samsul Mohd. Tazilan

MAIntrArchDesign, PgDip (Manchester Metropolitan), Dip Int Design (ITM), Ph.D (UKMalaysia)
Reka Bentuk Seni Bina Ruang, Komunikasi Reka Bentuk Spatial
(*Interior Architecture, Spatial Design Communication*)

Sr. Dr. Norngainy Mohd Tawil

BSc.Ed (UMalaya), MSc.Math.Mngmt (UKMalaysia), Ph.D Property Fin. (UMalaya)
Pengurusan Hartanah, Kewangan Hartanah, Perumahan Beritngkat, Keusahawanan
(*Property Management, Property Finance, Highrise Residential, Entrepreneurship*)

Dr. Maslina Jamil

SmSn., MEng., Ph.D (UKMalaysia)

Kejuruteraan Struktur, Teknologi Konkrit & Bahan Lestari, Kepintaran Buatan
(*Structural Engineering, Concrete Technology & Sustainable Material, Artificial Intelligence*)

Pensyarah/Lecturers

Ar. Dr. Noraziah Mohammad

Dip Arch, Adv. Dip Arch. (ITM), Ph.D (UKMalaysia)

P.Arch LAM, APAM

Pengurusan Projek dan Amalan Profesional Arkitek

(*Project Management and Architectural Professional Practice*)

Dr. Kamarul Afizi Kosman

Dip Arch., BArch. (Hons), MSc., Ph.D (UTMalaysia)

Seni Bina Identiti Kebangsaan, Sejarah dan Teori Seni Bina

(*National Identity in Architecture, History & Theory In Architecture*)

Sr. Dr. Mazlan Mohd. Tahir

MRAIC Dip. Eng (Nova Scotia) B. Env. Design Studies (B.E.D.S), MArch. (Nova Scotia) Ph.D (UKMalaysia)

Reka Bentuk Seni Bina, Pembinaan Bangunan, Seni Bina Lestari, Perumahan

(*Architecture Design, Building Construction, Sustainable Architecture, Housing*)

Dr. Mohd Khairul Azhar Mat Sulaiman

Dip Arch, BArch. (Hons) (UTMalaysia), MLArch.(UPMalaysia), Ph.D (UKMalaysia)

Keselesaan Terma, Kecekapan Tenaga, Landskap Menegak, Seni Bina Landskap

(*Thermal Comfort, Energy Efficiency, Vertical Landscaping, Landscape Architecture*)

Dr. Muhammad Farihan Irfan Mohd Nor

BSc. Arch (Hons) (UIAMalaysia), PgDip, MSc. (Strathclyde), Ph.D (Strathclyde)

Reka Bentuk Seni Bina Digital, Pemodelan Maklumat Bangunan

(*Computer-Aided Building Design, Building Information Modelling*)

Dr. Nor Haslina Ja'afar

Dip Arch., BArch. (Hons), MArch., PhD (UTMalaysia)

Reka Bentuk Perancangan Bandar (*Urban Design*)

Dr. Mohd Iskandar Abd Malek

BSc. Arch (UKMalaysia), MAUrbDes., Ph.D (Oxford Brookes)

Reka Bentuk Perancangan Bandar, Reka Bentuk Bandar Menegak

(*Vertical Urbanism, Urban Design*)

Dr. Nur Amirah Abd Samad

BSc. Arch (Hons) (UIAMalaysia), MA Arch. (Deakin), PhD (UTMalaysia)

Reka Bentuk Sejagat (*Universal Design*)

Sr. Dr. Suhana Johar

Dip.BldSurv (UiTMalaysia), BSc.(Hons) BldSurv (UiTMalaysia),
Ph.D (USMalaysia)
Pengurusan Bangunan Warisan (*Heritage Building Management*)

Ar. Zabidi Hamzah

BA. (Hons), BArch. (Manchester)
Seni Bina Ekologi & Reka Bentuk Perilaku Persekitaran
(*Ecological Architecture Environmental Behaviour Design*)

Pn. Azreena Abu Bakar

BArch. (Hons) (UTMalaysia), MA Arch. (UKMalaysia)
Seni Bina Identiti Kebangsaan (*National Identity Architecture*)

Pn. Nur Athirah Mohd Khalit

BSc. Arch (Hons), BArch. (Hons) (UIAMalaysia), M. Heritage & Conservation Mngmt
(UiTMalaysia)
Sains Persekitaran, Seni Bina Melayu (*Environmental Science, Malay Architecture*)

Program Seni Bina Programme of Architecture

Pengenalan

Jabatan Seni Bina dan Alam Bina telah ditubuhkan pada tahun 2002. Program prasiswazah yang ditawarkan ialah Sarjana Muda Sains Seni Bina dengan Kepujian (LAM Bahagian I). Sarjana Muda Sains Seni Bina dengan Kepujian (LAM Bahagian I) adalah ijazah separa-profesional. Ia merangkumi kursus-kursus seperti studio reka bentuk, sejarah dan teori seni bina, sains persekitaran, struktur bangunan, kemudahan bangunan, komunikasi seni bina, teknologi dan bahan binaan bangunan. Program ini berorientasikan kerja-kerja kursus studio reka bentuk, iaitu teras utama kepada program ini.

Introduction

The Department of Architecture and Built Environment was established in 2002. The undergraduate program offer is Bachelor of Science in Architecture with Honours (LAM Part I). Bachelor of Science in Architecture with Honours (LAM Part I) is a semi-professional degree. It comprises courses such as design studio, history and theory of architecture, environmental science, building structures, buildings services, architectural communication, building technology and materials. The program is oriented towards the design studio course, which is the core of the programme.

Objektif Program/ Program Educational Objective (PEO)

PEO1

Jurutera/Arkitek yang mempunyai sahsiah dan etika, serta profesionalisma yang tinggi dan menyumbang kepada Aspirasi Kebangsaan.

Engineer/Architect who has character and ethics, as well as high professionalism and contributes to the National Aspirations

PEO2

Jurutera/Arkitek yang kompeten dalam amalan bidang masing-masing bersesuaian dengan keperluan semasa dan masa depan.

Engineer/Architect who is competent in respective engineering practices that meets current and future needs.

PEO3

Jurutera/Arkitek yang mempunyai daya kreatif dan inovatif, ciri keusahawanan dan sifat kepimpinan yang bersifat global.

Engineer/Architect who has a creative and innovative, entrepreneurial and leadership qualities that are global.

PROGRAM SENI BINA/ PROGRAMME OF ARCHITECTURE

Hasil Pembelajaran Program/ Programme Outcomes (PO)

Kompetensi Senibina

HPP1 - Pengetahuan - Berupaya untuk memperoleh dan menerapkan pengetahuan Senibina yang memenuhi keperluan budaya, estetik, persekitaran dan keperluan teknikal.

HPP2 - Kemampanan dan Kesedaran Sosial - Berupaya untuk memahami isu-isu alam bina dalam konteks sosial, budaya dan tanggungjawab persekitaran untuk keperluan pembangunan yang mampan.

HPP3 - Praktikal dan Inovasi - Berupaya mengilhamkan inovasi dalam rekacipta seni bina yang responsif terhadap budaya, estetik, persekitaran dan keperluan teknikal.

Ciri-Ciri Umum

HPP4 - Komunikasi - Berupaya untuk berkomunikasi mengenai idea-idea rekabentuk dan penyelesaian reka bentuk yang berkesan dalam komuniti senibina dan masyarakat awam.

HPP5 - Kepimpinan, Kolaborasi dan Kerja Berpasukan - Berupaya untuk bekerjasama serta berkolaborasi secara berkesan sebagai individu dan ahli dalam pasukan pelbagai disiplin dengan kemampuan sebagai pemimpin.

HPP6 - Etika - Berupaya memahami dan menerapkan kod dan peraturan alam bina yang berkaitan dengan konteks serta praktis tempatan.

HPP7 - Keusahawanan - Berupaya memahami dan melaksanakan prinsip asas keusahawanan.

HPP8 - Pembelajaran Sepanjang Hayat - Berupaya untuk berdikari dan berkemahiran dalam pembelajaran sepanjang hayat.

Struktur Kursus Seni Bina Architecture Course Structure

Semester	Kod Kursus/ <i>Course Code</i>	Kategori/ <i>Category</i>	Nama Kursus/ <i>Course Title</i>
I	LMCW 2143	CW	Falsafah & Isu Semasa <i>Philosophy & Current Issues</i> (Warganegara & Bukan Warganegara) (Bukan Warganegara pilih 1 dari 2 (LMCW2143 atau LMCW2153))
	KKAB1213	C3	Sejarah Seni Bina <i>History Architecture</i>
	LMCXXX2	C1	Kursus Luar Fakulti - Domain Citra I
	KKAB1313	C4	Teknologi Binaan dan Bahan I <i>Construction of Technology and Material I</i>
	LMCE 1062/ LMCE 1072/ LMCE 1082	WF	<i>Academic Interactions (MUET Band 3)</i> <i>Academic Literacy (MUET Band 4)</i> <i>Page to Stage (MUET Band 5 & 6)</i>
	KKAB1116	WJ	Rekabentuk Seni Bina I <i>Architectural Design I</i>
	KKAB1412	WJ	Komunikasi Grafik Seni Bina <i>Architectural Graphics Communication</i>
II	LMCW1022	CW	Asas Keusahawanan dan Inovasi <i>Entrepreneurship and Innovation Base</i>
	KKKF1141	WF	Etika dan Profesional <i>Ethical and Professional</i>
	LMCXXX2	C6	Kursus Luar Fakulti - Domain Citra 6
	KKAB1322	C2	Struktur I <i>Structure I</i>
	KKAB1126	WJ	Reka Bentuk Seni Bina II <i>Architectural Design II</i>
	KKAB1222	WJ	Seni Bina Identiti Kebangsaan <i>Architecture of National Identity</i>
	KKAB1422	WJ	Sains Persekitaran I <i>Environmental Science I</i>
KKAB1523	WJ	Kemudahan Bangunan I <i>Building Services I</i>	

III	LMCW2022	CW	Pengurusan dan Analitik Data <i>Data Management and Analytic</i>
	LMCE2082/ LMCE2092/ LMCE2103	WF	<i>Pro Talk English (MUET Band 3) / Speak to Persuade (MUET Band 4) / Advanced Communication Project (MUET Band 5 & 6)</i>
	KKAB2118	WJ	Reka Bentuk Seni Bina III <i>Architectural Design III</i>
	KKAB2212	WJ	Struktur II <i>Structure II</i>
	KKAB2313	WJ	Teknologi Binaan dan Bahan II <i>Construction of Technology and Material II</i>
	KKAB2412	P	Pengenalan Seni Bina Landskap <i>Introduction of Landscape Architecture</i>
	KKAB2512	P	Pengenalan Penilaian Skap Bandar <i>Introduction of Townscape Assessment</i>
IV	LMCW 2153	CW	Penghayatan Etika & Peradaban (Warganegara & Bukan Warganegara) (Bukan Warganegara pilih 1 dari 2 (LMCW2143 atau LMCW2153))
	LMCW 2193	CW	Bahasa Melayu Komunikasi 2 (Bukan Warganegara sahaja)
	KKAB2128	WJ	Reka Bentuk Seni Bina IV <i>Architectural Design IV</i>
	KKAB2223	WJ	Lukisan Terukur <i>Measured Drawing</i>
	KKAB2322	WJ	Sains Persekitaran II <i>Environmental Science II</i>
	KKAB2423	WJ	Aplikasi Komputer Senibina <i>Architectural Computer Application</i>
Intersesi	KKKF3066	WF	Latihan Industri <i>Industrial Training</i>

V	KKAB3118	WJ	Reka Bentuk Seni Bina V <i>Architectural Design V</i>
	KKAB3212	WJ	Teori dan Idea Senibina <i>The Theory and Idea of Architecture</i>
	KKAB3313	WJ	Teknologi Binaan dan Bahan III <i>Construction Technology and Material III</i>
	KKAB3413	WJ	Kemudahan Bangunan II <i>Building Services II</i>
	KKAB3513	WJ	Lukisan Kerja Seni Bina <i>Architectural Working Drawing</i>
VI	LMCE 3061/ LMCE3071	WF	<i>Corporate Storytelling (MUET Band 3) / Professional Communication (MUET Band 4)</i>
	KKAB3128	WJ	Reka Bentuk Seni Bina VI <i>Architectural Design VI</i>
	KKAB3223	WJ	Pengajian Topikal <i>Topical Study</i>
	KKAB3323	C5	Keusahawanan <i>Entrepreneurship</i>
	KKAB3423	WJ	Amalan Profesional <i>Professional Practice</i>

Kategori/Category

- WF - Kursus Wajib Fakulti / *Faculty Courses*
- WJ - Kursus Wajib Jabatan / *Department Courses*
- P - Kursus Pilihan / *Elective Courses*
- CW - Kursus CITRA Wajib / *CITRA Compulsory Course*
- C1-C6 - Kursus CITRA Rentas / *CITRA General Education*

Silibus Kursus **Courses Syllabus**

KKAB1116 Reka Bentuk Seni Bina I *Architecture Design I*

Kursus Reka Bentuk Seni Bina I merupakan teras dalam pengajian seni bina. Kandungan kursus memberikan penekanan kepada pemahaman dasar yang menjurus kepada unsur dan prinsip asas dalam reka bentuk. Pelajar akan meneroka komponen asas reka bentuk termasuk daya tanggapan tampakan, asas pemikiran reka bentuk, penyusunan, permukaan datar, ruang, warna dan jalinan serta ukuran dan perkadaran menerusi penghayatan, pencerakinan dan pemahaman. Pelajar juga akan didedahkan kepada pengetahuan mengenai ukuran anggota manusia (anthropometric) dan kaitan antara ukuran anggota manusia dengan pelbagai kemudahan untuk manusia (ergonomic) dalam penghasilan sesuatu reka bentuk.

Architectural Design I Course is the core of architectural study. The course emphasizes the basic understanding that leads to the basic elements and principles in design. Students will explore the basic components in design which include visual perceptual force design thinking, arrangement, flat surface, space, colour and texture and size and proportion through appreciation, analysis and understanding. Students will be exposed to knowledge regarding human measurement and proportion (anthropometric) and its relationship with the environment around them (ergonomic) in producing design.

Pra-Keperluan (jika ada): Tiada
Pre-requisite (if any): None

Keperluan Kursus untuk Menduduki Peperiksaan

(Rujuk Peraturan UKM Pengajian Sarjana Muda pindaan 2020).

Pelajar perlu memenuhi 80% keperluan kursus yang merujuk kepada keperluan kehadiran kuliah, ujian atau/dan penghantaran tugasan pentaksiran semasa minggu pengkuliahan tidak termasuk pentaksiran/peperiksaan akhir.

Bacaan Asas:

Reference:

D. K. Ching, F. 2014. *Architecture: Form, Space, and Order* Kindle Edition. 4th edition. New York: Wiley.

Malcolm, M M. 2013. *Brick Wall: How an Architecture Student was Reduced to Rubble*. Moira Brown.

Panero, J., Zelnik, M. 2014. *Human Dimension and Interior Space: A Source Book of Design Reference Standards*. Watson-Guption.

Farrelly, L. & Crowson, N. 2014. *Representational Techniques for Architecture (Basics Architecture)*. Bloombury (2nd revised edition)

Lidwell, W. 2015. *The Pocket Universal Principles of Design: 150 Essential Tools for Architects, Artist, Designer, Developer, Engineers, Inventors, and Makers*. Rockport.

Hasil Pembelajaran

Course Outcomes

Bil No.	Hasil Pembelajaran Kursus <i>Course Outcomes (CO)</i>
1	Membincangkan prinsip asas reka bentuk dan elemen asas seni bina. <i>Discuss the basic principles of design and the basic elements of architecture.</i>
2	Menghasilkan semula kerja lakaran tangan asas dalam bentuk 2D dan 3D serta penghasilan model. <i>Reproduce basic hand work sketches in forms of 2D and 3D as well as production model.</i>
3	Mempamerkan Reka Bentuk secara penerokaan (explorative) dalam projek pengenalan identiti kebangsaan. <i>Demonstrate the design in an explorative way in the introduction of national identity project.</i>
4	Mengaplikasikan skala ukuran anggota manusia (anthropometric) dalam reka bentuk. <i>Applying human measurement scale (anthropometric) in design.</i>

KKAB1213 Sejarah Seni Bina *Architecture History*

Kursus ini terlebih dahulu membincangkan mengenai sejarah dan peradaban seni bina warisan di Alam Melayu dengan memberikan tumpuan kepada seni bina warisan Melayu di Semenanjung Tanah Melayu. Pendekatan perbincangandibuat melalui dua cara, pertama melalui penglihatan kepada hasil dan warisan masyarakat silam serta yang kedua melalui pendekatan yang melihat kepada nilai dan asas pemikiran yang wujud dalam seni bina itu sendiri. Kursus ini berusaha untuk memperkenalkan pelbagai rahsia yang tersurat dan tersirat disebalik penghasilan seni bina warisan Rumah Melayu yang merupakan

antara contoh seni bina warisan terbaik di Alam Melayu. Perbincangan juga akan dibuat bagi mengenalpasti asas-asas pemikiran pembangunan seni bina warisan Rumah Melayu yang telah berjaya menepati pelbagai kehendak kehidupan kepada manusia dan menjadi contoh kepada seni bina yang bergagaskan ekologi serta merupakan contoh seni bina moden yang bitara untuk diterapkan pada pemikiran seni bina masa kini di Malaysia. Kursus ini seterusnya membincangkan mengenai sejarah serta peradaban seni bina awal di Mesir dan Eropah di mana peradaban tersebut telah mempengaruhi pembangunan sejarah seni bina terkemudian. Di samping itu, sejarah seni bina awal masyarakat di Timur Tengah, India, China dan Asia Tenggara juga dibincangkan untuk perbandingan. Tajuk perbincangan menyentuh aspek-aspek reka bentuk, kesenian dan kebudayaan serta teknologi yang telah digunakan dalam pembangunan pelbagai jenis seni bina pada era dan di lokasi yang berbeza. Di akhir kursus dimuatkan topik seni bina pra-merdeka di Malaysiasewaktu era kolonial dan imigrasi kaum yang menerima banyak pengaruh reka bentuk seni bina luar seperti yang diberikan pendedahan sebelum ini.

This course first discusses the history and civilisation in the Malay heritage architecture by focusing on the Malay architectural heritage in the Malay Peninsula. Presentation approach is made in two ways, the first is through the observation of legacy and heritage from the precedent society and the second is through an approach that looks upon the value and basic idea inherent in the architecture itself. This course seeks to unveil the letter and spirit behind the architectural heritage of the Malay houses, which are among the finest examples of Malay architectural heritage. Discussions will be conducted to identify the basic thinking in the development of Malay House heritage architecture that has managed to meet the various needs of human life and become an example to the ecological-oriented architecture and besides being the example of niche modern architecture to be applied to the present architectural thinking in Malaysia. This course then discusses the history and preliminary architectural civilisation in Egypt and Europe which had influenced the development of later architectural history. In addition, the early architectural history of the community in the Middle East, India, China and Southeast Asia are also discussed for comparison. Discussion touches on aspects such as design, art and culture as well as the technology that are adopted in the development of various types of architecture in the different era and location. At the end of the course, there are topics which include pre-independent architecture design in Malaysia during the colonial era and ethnic immigration that received a lot of influence from outside as revealed before.

Pra-Keperluan (jika ada): Tiada

Pre-requisite (if any): None

Keperluan Kursus untuk Menduduki Peperiksaan

(Rujuk Peraturan UKM Pengajian Sarjana Muda pindaan 2020).

Pelajar perlu memenuhi 80% keperluan kursus yang merujuk kepada keperluan kehadiran kuliah, ujian atau/dan penghantaran tugas-pentaksiran semasa minggu pengkuliahahan tidak termasuk pentaksiran/ peperiksaan akhir.

Bacaan Asas:

Reference:

Ingersoll, R. & Kostof, S. 2012. World Architecture: A Cross-Cultural History. London: Oxford University Press.

Hashim, W. & Nasir, A.H. 2011. The Traditional Malay House. London: Oxford University Press.

Leach, A. 2010. What is Architectural History? Cambridge: Polity Press.

Wodehouse, L., Moffet, M. & Fazio, M. 2008. A World History of Architecture (2nd Ed.). McGraw Hill.

Rasdi, M.T., Ali, K.M., S. Ariffin, S.A.I, Ra'alah, M. & Gurupiah, M. 2004. Warisan Seni Bina Dunia Melayu Rumah-Rumah Tradisional. Johor Bahru: Penerbit UTM.

Fletcher, B., Cruickhank, D. & Saint.A. 1996. Sir Banister Fletcher's A History of Architecture. London: Architecture Press.

Hasil Pembelajaran

Course Outcomes

Bil No.	Hasil Pembelajaran Kursus <i>Course Outcomes (CO)</i>
1	Menyatakan perbezaan di antara seni bina yang telah dibangunkan di Alam Melayu dan di luar negara. <i>Distinguish the architecture developed in the Malay land and abroad.</i>
2	Mengkaji semula perkembangan reka bentuk seni bina mengikut peredaran zaman dan tempat <i>Examine the development of architectural design over time and place</i>
3	Membentangkan pertalian erat di antara seni bina, teknologi dan kesenian <i>Present the close relationship between architecture, technology and arts</i>

4	<p>Menganalisis pengaruh cuaca, kehadiran bahan binaan, teknologi, budaya dan ekonomi di sesuatu tempat dalam membezakan dan membentuk identiti gayarupa seni bina sejak zaman berzaman.</p> <p><i>Analyse the effects of weather, construction materials, technology, culture and economy in particular place in distinguishing and shaping the identity of architectural styles for ages.</i></p>
---	---

KKAB1313 Teknologi Binaan dan Bahan 1 *Technology of Construction and Material I*

Kursus ini mendedahkan pelajar ke alam pembinaan, memberi pengenalan tentang teknologi binaan dan bahan dalam industri pembinaan; komponen-komponen asas pada bangunan; struktur bangunan; mekanik tanah dan faktor asas pengaruh kepada pemilihan asas bangunan merupakan antara tajuk utama dalam kursus ini. Pendedahan kepada agensi-agensi dan badan-badan yang terlibat dalam kawalan dan industri pembangunan serta pembinaan. Kursus ini juga memperkenalkan bahan-bahan binaan dan asas yang mempengaruhi pemilihannya. Keselamatan am di tapak binaan juga merupakan antara topik utama dalam kursus ini.

This course introduces students to the construction world, construction technology and materials in the construction industry; the basic building components; building structures; soil mechanics and fundamental factors affecting the selection of the building's foundation as the main topics in this course. Students are exposed to the agencies and bodies involved in the regulation, development and construction industry. This course also introduces building materials and the basis that influences the selection. General safety at construction site is also among the main topics in this course.

Pra-Keperluan (jika ada): Tiada

Pre-requisite (if any): None

Keperluan Kursus untuk Menduduki Peperiksaan

(Rujuk Peraturan UKM Pengajian Sarjana Muda pindaan 2020).

Pelajar perlu memenuhi 80% keperluan kursus yang merujuk kepada keperluan kehadiran kuliah, ujian atau/dan penghantaran tugas pentaksiran semasa minggu pengkuliahan tidak termasuk pentaksiran/peperiksaan akhir.

Bacaan Asas:

Reference:

- Spence, W.P. & Kultermann, E. 2016. *Construction Materials, Methods and Techniques*. Delmar Cengage Learning
- Allen, E. & Iano, J. 2019. *Fundamentals of Building Construction: Materials and Methods 7th Edition*. New Jersey: John Wiley & Sons
- D.K. Ching, F. 2019. *Building Construction Illustrated. 6th Edition*, New Jersey: John Wiley & Sons.
- Mehta, M.L. & Scarborough, W. 2017. *Building Construction: Principles, Materials, and System (What's New in Trades & Technology)*. Pearson.
- Mamlouk, M.S & Zaniewski, J.P. 2016. *Materials for Civil and Construction Engineers*. Pearson

Hasil Pembelajaran

Course Outcomes

Bil No.	Hasil Pembelajaran Kursus Course Outcomes (CO)
1	Menunjukkan asas teknologi bahan dan binaan serta faktor mempengaruhi pemilihan asas dalam membentuk reka bentuk yang berkualiti. <i>Demonstrate the basics of material and construction technologies as well as factors influencing its selection in forming a quality design.</i>
2	Mengenalpasti badan-badan dan agensi-agensi kawalan binaan dan pembangunan dan kaitan agensi tersebut dengan industri pembinaan. <i>Identify construction regulatory bodies and agencies and the relation with the construction industry.</i>
3	Menghubungkan bahan binaan bangunan, struktur reka bentuk, pembinaan atau masalah kejuruteraan yang berkaitan dengan isu-isu reka bentuk bangunan. <i>Associate building construction materials, design structures, construction or engineering issues related to the building design issues.</i>

KKAB1412 Komunikasi Grafik Seni Bina *Architectural Graphic Communication*

Kursus ini memberikan penekanan kepada pemahaman dasar yang menjurus kepada unsur dan prinsip asas dalam reka bentuk. Pelajar akan meneroka komponen asas reka bentuk termasuk daya tanggapan tampakan, garisan, jalinan, permukaan datar, warna, ruang, penyusunan, ukuran dan perkadaran menerusi penghayatan, pencerakinan dan pemahaman. Pelajar juga akan didedahkan kepada pengetahuan mengenai ukuran anggota manusia (anthropometric) dan keperluannya dalam menghasilkan reka bentuk.

The course emphasises the basic understanding that lead to the design elements and principles. Students will explore the basic components of design which include force in visual perception, lines, texture, flat surface, colour, space, composition, size and proportion through appreciation, assaying and understanding. Students will be exposed to knowledge regarding human body measurement (anthropometric) and its usage in producing design.

Pra-Keperluan (jika ada): Tiada

Pre-requisite (if any): None

Keperluan Kursus untuk Menduduki Peperiksaan

(Rujuk Peraturan UKM Pengajian Sarjana Muda pindaan 2020).

Pelajar perlu memenuhi 80% keperluan kursus yang merujuk kepada keperluan kehadiran kuliah, ujian atau/dan penghantaran tugasan pentaksiran semasa minggu pengkuliahahan tidak termasuk pentaksiran/peperiksaan akhir.

Bacaan Asas:

Reference:

D.K. Ching, F. 2015. Architectural Graphics Kindle Edition. Hoboken, N.J: Wiley

Baskinger, M. & Bardel, W. 2013. Drawing Ideas: A Hand-Drawn Approach for Better Design. Watson-Guption

Holmes, M.T. 2014. The Urban Sketcher: Techniques for Seeing and Drawing on Location. North Light Books.

Gussow, S.F. 2013. Architects Draw: Freehand Fundamentals (Architecture Brief). New York: Princeton Architectural Press.

Lewis, P., Tsutsumaki, M. & Lewis, D.J. 2016. Manual of Section. New York: Princeton Architectural Press.

Hasil Pembelajaran

Course Outcomes

Bil No.	Hasil Pembelajaran Kursus <i>Course Outcomes (CO)</i>
1	<i>Mengenalpasti teknik-teknik di dalam aspek komunikasi dan persembahan visual dengan tangan (manual)</i> <i>Identify techniques in terms of communication and visual presentation by hand (manual)</i>
2	<i>Mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran asas di dalam komunikasi visual seni bina</i> <i>Apply basic knowledge and skills in architectural visual communication</i>

3	Menghasilkan semula lukisan persembahan kepada tahap yang digunakan di dalam industri <i>Reproduce design presentation drawing to the level used in the industry</i>
---	---

KKAB1126 Reka Bentuk Seni Bina II *Architecture Design II*

Kursus Reka Bentuk Seni Bina II merupakan kesinambungan kepada program pengajian reka bentuk seni bina yang diajar pada semester sebelumnya. Kursus ini memberi kefahaman kepada pelajar tentang proses asas penghasilan reka bentuk seperti kajian latar belakang projek dan tapak dalam konteks setempat/kebangsaan. Kursus ini juga memberi penekanan kepada asas susun atur dan hubungkait ruang. Pelajar juga akan didedahkan kepada pengetahuan mengenai ukuran anggota manusia (anthropometric) dan kaitan antara ukuran anggota manusia dengan objek atau elemen reka bentuk (ergonomic).

Architectural Design II Course is a continuation of the architectural design study programme that is taught in the previous semester. This course is to provide students with the basic processes of design production such as study of project background and site in the local/national context. The course also emphasises the basic layout and space relationship. Students will be exposed to knowledge regarding human body measurement (anthropometric) and the relationship between human body measurement and object or design element (ergonomic).

Pra-Keperluan (jika ada): KKAB1116 Reka Bentuk Seni Bina I
Pre-requisite (if any): KKAB1116 Architectural Design I

Keperluan Kursus untuk Menduduki Peperiksaan

(Rujuk Peraturan UKM Pengajian Sarjana Muda pindaan 2020).

Pelajar perlu memenuhi 80% keperluan kursus yang merujuk kepada keperluan kehadiran kuliah, ujian atau/dan penghantaran tugas pentaksiran semasa minggu pengkuliahahan tidak termasuk pentaksiran/peperiksaan akhir.

Bacaan Asas:

Reference:

- Karlen, M., Fleming, R. 2016. *Space Planning Basics 4th Edition*. Wiley.
- Buxton, P. 2015. *Metric Handbook: Planning and Design Data 5th Edition*. Routledge.
- Ching, F.D.K. 2014. *Architecture: Form, Space, and Order Kindle Edition 4th edition*. Hoboken, N.J: Wiley.
- Ehmann, S., Klanten, R. 2016. *The Hinterland: Cabins, Love Shacks and Other Hide-Outs*. Die Gestalten Verlag.
- Grootens, J. 2016. *Elemental Living: Contemporary Houses in Nature (Architecture)*. Phaidon Press.

Hasil Pembelajaran

Course Outcomes

Bil No.	Hasil Pembelajaran Kursus <i>Course Outcomes (CO)</i>
1	Membina sintesis terhadap proses asas penghasilan reka bentuk seperti kajian latar belakang projek dan tapak dalam konteks setempat / kebangsaan <i>Synthesise the basic processes of design production such as study of project background and site in the local/national context</i>
2	Mengaitkan asas susun atur dengan ruang <i>Correlate the basic layout with space</i>
3	Mengaplikasikan skala ukuran anggota manusia (anthropometric) dan ergonomik dalam Reka Bentuk <i>Applying the human body measurement scale (anthropometric) and ergonomic in design</i>
4	Mempamerkan reka bentuk tektonik secara eksperimen <i>Display tectonic design in experimental way</i>
5	Mendemonstrasi lukisan dan keupayaan menghasilkan format asas lukisan seni bina <i>Demonstrate the design drawings and able to produce basic format of architectural drawings</i>
6	Menghasilkan Reka Bentuk yang mengikut kehendak klien <i>Produce a design according to the client's need</i>

KKAB1222 Seni Bina Identiti Kebangsaan *National Identity Architecture*

Kursus ini akan membincangkan mengenai isu identiti seni bina kebangsaan di Eropah, Amerika dan Malaysia. Pembinaan identiti seni bina kebangsaan merupakan cabaran yang paling besar dalam era seni bina moden dan pasca-modern. Pembentukan seni bina yang menolak unsur budaya setempat bukannya hanya menghakis identiti masyarakatnya tetapi juga telah mewujudkan masalah yang lebih serius seperti ancaman keselamatan, gangguan kesihatan, krisis tenaga dan sebagainya. Agenda mewujudkan kembali identiti seni bina kebangsaan merupakan sebuah seruan agar seni bina perlu responsif kepada semangat tempat yang bukan sahaja mampu mencerminkan tempat tersebut dalam penampilannya tetapi juga berupaya mensejahterakan manusia dan alam bina di sekitarnya.

This course will focus on the issue of national identity architecture in Europe, America and Malaysia. The establishment of the national identity architecture is the biggest challenge in the modern and post-modern architectural era. The formation of architectural elements that rejects the local culture not only erodes the people's identity but has also created a more serious problem such as security threat, health issue, energy crisis and so on. The agenda to create the national identity architecture is an urge for the architecture to be responsive to the local spirit that is not only reflect the place in its appearance but also seeks the welfare of mankind and the surrounding buildings.

Pra-Keperluan (jika ada): Tiada
Pre-requisite (if any): None

Keperluan Kursus untuk Menduduki Peperiksaan

(Rujuk Peraturan UKM Pengajian Sarjana Muda pindaan 2020).

Pelajar perlu memenuhi 80% keperluan kursus yang merujuk kepada keperluan kehadiran kuliah, ujian atau/dan penghantaran tugas pentaksiran semasa minggu pengkuliahahan tidak termasuk pentaksiran/peperiksaan akhir.

Bacaan Asas:
Reference:

Gurupiah Mursib, Mohammad Tajuddin Mohamad Rasdi. 2016. *Regionalisme Seni Bina Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Kamarul Afizi Kosman. 2009. *Krisis Wacana Identiti Seni Bina Malaysia*. Bangi:

Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohammad Tajuddin Mohamad Rasdi. 2003. Crisis in Public Architecture. The KALAM Papers. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Mohammad Tajuddin Mohamad Rasdi. 2001. Identiti Seni Bina Malaysia: Konsep Terhadap Pendekatan Reka Bentuk. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Cumming, E. & Kaplan, W. 1995. The Art and Craft Movement. London: Thames and Hudson.

Hasil Pembelajaran

Course Outcomes

Bil No.	Hasil Pembelajaran Kursus Course Outcomes (CO)
1	Mengenalpasti makna dan bentuk pelaksanaan identiti seni bina kebangsaan. <i>Identify the meaning and form of national architectural identity.</i>
2	Menerangkan sejarah perjuangan identiti seni bina kebangsaan di Barat dan Malaysia. <i>Explain the history of the struggle for national architectural identity in Western and Malaysia.</i>
3	Merungkai kesedaran terhadap bentuk krisis dan implikasinya kepada masyarakat serta alam bina. Pelajar akan mampu melakukan penilaian bentuk-bentuk krisis yang berlaku melalui pembacaan, perbincangan, sesi kerja lapangan dan projek reka bentuk. <i>Raise awareness of the crisis and its implication on society and architecture. Students will be able to assess the forms of crisis that occurred through reading, discussion, field work sessions and project design.</i>

KKAB1322 Struktur 1 *Structure I*

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada konsep asas struktur yang berkaitan dengan seni bina. Pelajar akan mempelajari prinsip asas daya dan momen, keseimbangan jasad, gambarajah jasad bebas, daya dan momen tindakbalas, pusat graviti, sentroid dan momen inersia. Pelajar juga akan didedahkan kepada konsep pembentukan dan analisis struktur kekuda, serta asas kekuatan bahan. Penekanan akan diberikan kepada aplikasi konsep rule-of-thumb dalam analisis.

This course introduces students to the fundamental concepts of structures related to architecture. Students will learn the basic principles of forces and moments, equilibrium of particles, free-body diagram, reaction forces and moments, centre of gravity, centroid and moment of inertia. Students will also be exposed the formation and analysis concepts of truss structures, and the fundamentals of strength of materials. Emphasis will be given to the application of rule-of-thumb concepts in the analysis.

Pra-Keperluan (jika ada): Tiada
Pre-requisite (if any): None

Keperluan Kursus untuk Menduduki Peperiksaan

(Rujuk Peraturan UKM Pengajian Sarjana Muda pindaan 2020).

Pelajar perlu memenuhi 80% keperluan kursus yang merujuk kepada keperluan kehadiran kuliah, ujian atau/dan penghantaran tugas pentaksiran semasa minggu pengkuliahahan tidak termasuk pentaksiran/peperiksaan akhir.

Bacaan Asas:

Reference:

Ching, F. D. K. 2019. Building Construction Illustrated, 6th Edition. New Jersey: John Wiley & Sons.

Gauld, B. J. B. 2014. Structures for Architects, 3rd Ed. New York: Routledge.

Hibbeler R.C. 2018. Structural Analysis, 10th Ed. New Jersey: Pearson Education.

Hibbeler, R. C. 2015. Engineering Mechanics: Statics, 14th Ed. New Jersey: Prentice Hall.

Hibbeler, R.C. 2016. Mechanics of Materials, 10th Ed. New Jersey: Prentice Hall.

Hasil Pembelajaran

Course Outcomes

Bil No.	Hasil Pembelajaran Kursus <i>Course Outcomes (CO)</i>
1	Memaparkan konsep asas vektor daya dalam analisis struktur. <i>Display the fundamental concepts of force vectors in structural analysis.</i>
2	Membina gambarajah jasad bebas dan mengaplikasikan persamaan keseimbangan untuk menyelesaikan masalah struktur. <i>Construct free body diagram and apply the equations of equilibrium to solve structures problems.</i>
3	Menghasilkan semula konsep pembentukan dan analisis struktur kekuda. <i>Reproduce the fundamental concepts of formation and analysis of truss structures.</i>
4	Menentukan ciri-ciri asas keratan dan bahan binaan, dan kecirian mekanik bahan. <i>Determine the fundamental properties of sections and construction materials, and the mechanical properties of materials.</i>

KKAB1422 Sains Persekitaran 1 *Environmental Science 1*

Sains Persekitaran I memberi penekanan kepada kesedaran terhadap kepentingan aspek sains persekitaran dalam konteks alam bina. Pelajar didedahkan dengan pengetahuan asas sains persekitaran, serta kesan negatif sekiranya aspek sains persekitaran tidak dititikberatkan dalam reka bentuk bangunan. Antara kandungan untuk Sains Persekitaran I adalah iklim global dan serantau, isu perubahan cuaca dan pemanasan bumi, pulau haba Bandar, sistem ekologi dan pencemaran alam sekitar, kon-sep bangunan pintar dan penjimatan tenaga serta tenaga keterbaharuan.

Environmental Science 1 emphasizes the importance of awareness towards environmental science aspects in the context of built environment. Students are exposed to basic knowledge of environmental science, as well as the negative impacts if the aspects of environmental science are not considered in building design. The contents of Environmental Science I include global and regional climates, climate change and global warming issues, urban heat island, ecological system and environmental pollution, the smartbuilding concept and energy saving as well as the renewable energy.

Pra-Keperluan (jika ada): Tiada

Pre-requisite (if any): None

Keperluan Kursus untuk Menduduki Peperiksaan

(Rujuk Peraturan UKM Pengajian Sarjana Muda pindaan 2020).

Pelajar perlu memenuhi 80% keperluan kursus yang merujuk kepada keperluan kehadiran kuliah, ujian atau/dan penghantaran tugas pentaksiran semasa minggu pengkuliahan tidak termasuk pentaksiran/peperiksaan akhir.

Bacaan Asas:

Reference:

Szokolay, S.V. 2014. Introduction to Architectural Science: The Basis of Sustainable Design 3rd Edition. New York: Routledge.

DeKay, M. & Brown, G. Z. 2014. Sun, Wind, and Light: Architectural Design Strategies 3rd Edition. Wiley.

Braham, W.W & Willis, D. 2013. Architecture and Energy: Performance and Style. New York: Routledge.

Shere, J. 2013. Renewable: The World-Changing Power of Alternative Energy. New York: St. Martin's Press.

Hasil Pembelajaran

Course Outcomes

Bil No.	Hasil Pembelajaran Kursus Course Outcomes (CO)
1	Mengenalpasti kepentingan sains persekitaran dalam konteks alam bina <i>Determine the importance of environmental science in the context of built environment</i>
2	Mempamerkan konsep asas reka bentuk yang merangkumi aspek sains persekitaran <i>Implement the basic design concept that includes the environmental science aspects.</i>
3	Bersiap sedia untuk menganalisis kesan negatif sekiranya aspek sains persekitaran tidak diberi pertimbangan sewajarnya terhadap reka bentuk bangunan <i>Ready to analyse the negative effects if the environmental science aspects are not given due consideration in building design</i>
4	Mengaitkan kepentingan sains persekitaran dalam konteks alam bina <i>Integrate the importance of environmental science in the context of built environment</i>

KKAB1523 Kemudahan Bangunan I

Building Services I

Kemudahan Bangunan I memberi penekanan kepada sistem asas kemudahan bangunan mudah, iaitu sistem bekalan air, sistem bekalan elektrik, sistem sanitasi, sistem saliran dan pembetulan, sistem telekomunikasi, sistem bekalan gas, sistem pembuangan sampah dan sistem pencegahan kebakaran. Pendedahan tertumpu kepada keperluan reka bentuk bagi bangunan mudah.

Building Services I emphasise the basic system of simple building features services, namely water supply system, electricity supply system, sanitation system, drainage and sewerage system, telecommunication system, gas supply system, sewage systems and fire retention system. Exposure is stressed on the design requirement for simple buildings.

Pra-Keperluan (jika ada): Tiada
Pre-requisite (if any): None

Keperluan Kursus untuk Menduduki Peperiksaan

(Rujuk Peraturan UKM Pengajian Sarjana Muda pindaan 2020).

Pelajar perlu memenuhi 80% keperluan kursus yang merujuk kepada keperluan kehadiran kuliah, ujian atau/dan penghantaran tugas pentaksiran semasa minggu pengkuliahan tidak termasuk pentaksiran/peperiksaan akhir.

Bacaan Asas:

Reference:

Greeno, R. & Hall, F. 2017. Building Services Handbook 9th Edition. New York: Routledge.

Ermann, M. 2015. Architectural Acoustics Illustrated. 2nd Edition. John Wiley & Sons.

Portman, J. 2014. Building Services Design Management 1st Edition. Wiley-Blackwell.

Chadderton, D.V. 2013. Building Services Engineering 7th Edition. New York: Routledge.

Hall, F. 2015. Building Services and Equipment, Volume 3- Revised 2015. New York: Routledge.

Hasil Pembelajaran

Course Outcomes

Bil No.	Hasil Pembelajaran Kursus <i>Course Outcomes (CO)</i>
1	Mengenalpasti asas kemudahan bangunan. <i>Identify the basic building services</i>
2	Menilai kewajaran terhadap pemilihan sesebuah sistem kemudahan bangunan bagi bangunan mudah <i>Assess the appropriateness of the selection of building service system for simple building</i>
3	Mengaplikasikan sistem kemudahan bangunan dalam reka bentuk bangunan mudah <i>Apply building service system in the simple building design</i>

KKAB2118 Reka Bentuk Seni Bina III *Architecture Design III*

Kursus Reka Bentuk Seni Bina III mendedahkan pelajar kepada kepentingan konteks kebudayaan setempat dalam reka bentuk seni bina. Kursus ini juga memberi penekanan kepada penilaian keperluan pengguna dari aspek ruang, fungsi, sosial dan persekitaran. Selain itu, penekanan juga diberikan kepada penggunaan bahan dan struktur asas senibina dalam menghasilkan reka bentuk. Pelajar juga akan didedahkan dengan kemahiran mengumpul data, menganalisis dan menentukan isu-isu berkaitan dengan reka bentuk.

Architectural Design III Course exposes students to the importance of the local cultural context in architectural design. The course also focuses on the assessment of user needs in terms of space, function, social and environment. In addition, emphasis is also given to the use of materials and the basic architectural structure in producing design. Students will be exposed to the skills such as data collection, analysis and determination of the design-related issues.

Pra-Keperluan (jika ada): KKAB1126 Reka Bentuk Seni Bina II
Pre-requisite (if any): KKAB1126 Architecture Design II

Keperluan Kursus untuk Menduduki Peperiksaan

(Rujuk Peraturan UKM Pengajian Sarjana Muda pindaan 2020).

Pelajar perlu memenuhi 80% keperluan kursus yang merujuk kepada keperluan kehadiran kuliah, ujian atau/dan penghantaran tugas pentaksiran semasa minggu pengkuliahahan tidak termasuk pentaksiran/peperiksaan akhir.

Bacaan Asas:

Reference:

- Parry, E. 2015. *Context: Architecture and the Genius of Place*. Chichester: Wiley.
- LaGro Jr., J.A. 2013. *Site Analysis: Informing Context-Sensitive and Sustainable Site Planning and Design 3rd Edition*. Hoboken: Wiley.
- Panero, J. & Zelnik, M. 2014. *Human Dimension and Interior Space: A Source Book of Design Reference Standards*. Watson-Guptill.
- Van Der Ryn, S. & Olsen, R. 2013. *Culture, Architecture and Nature: An Ecological Design Retrospective 1st Edition*. London: Routledge.
- Sleeper, H.R., Hoke, J.R. & Ramsey, C.J. (2017). *Architectural Graphic Standards Series*. New Jersey: John Wiley & Sons.

Hasil Pembelajaran

Course Outcomes

Bil No.	Hasil Pembelajaran Kursus <i>Course Outcomes (CO)</i>
1	Mempamerkan konteks kebudayaan setempat dalam reka bentuk seni bina <i>Display local cultural context in the architectural design</i>
2	Membina sintesis terhadap pengumpulan dan penganalisaan data serta menentukan isu-isu berkaitan dengan reka bentuk <i>Synthesise data collection and analysis and determine issues related to design</i>
3	Menganalisis keperluan pengguna dari aspek ruang, fungsi, sosial dan persekitaran <i>Analyse the user needs in terms of space, function, social and environment</i>
4	Mereka bentuk menggunakan bahan dan struktur asas seni bina <i>Design by using basic architectural structure and materials</i>
5	Mempamerkan lukisan persembahan seni bina <i>Exhibit architectural presentation drawings</i>

KKAB2212 Struktur II

Structure II

Pelajar akan didedahkan kepada perbezaan di antara beban mati dan beban hidup, pengagihan beban ke atas papak sehala dan papak dua hala, ketentuan dan kestabilan, daya-daya dalam rasuk, dan seterusnya membina gambarajah daya ricih dan momen lentur. Di samping itu, pelajar akan diperkenalkan dengan konsep reka bentuk rasuk berdasarkan keupayaan keratan terhadap lenturan dan ricih serta menentukan pesongan rasuk. Teori asas analisis kelengkungan dalam reka bentuk tiang juga akan dipelajari dalam kursus ini. Pelajar akan didedahkan dengan kemahiran untuk mengaplikasikan konsep rule-of-thumbs dalam proses analisis.

Students will be exposed to the distinction between dead load and live load, load distribution on the one-way slab and two-way slab, determinacy and stability, forces in beams, and to the development shear force and bending moment diagrams. In addition, students will be introduced to the concept of beam design based on the sectional ability against bending and shear, and to determine beam deflection. The fundamental theory of the column bending analysis will also be studied in this course. Students will be exposed with the skills to apply rule-of-thumbs concept in the analysis.

Pra-Keperluan (jika ada): KKAB 1322 Struktur 1
Pre-requisite (if any): KKAB 1322 Structure 1

Keperluan Kursus untuk Menduduki Peperiksaan

(Rujuk Peraturan UKM Pengajian Sarjana Muda pindaan 2020).

Pelajar perlu memenuhi 80% keperluan kursus yang merujuk kepada keperluan kehadiran kuliah, ujian atau/dan penghantaran tugas pentaksiran semasa minggu pengkuliahahan tidak termasuk pentaksiran/peperiksaan akhir.

Bacaan Asas:

Reference:

Ching, F. D. K. 2019. Building Construction Illustrated, 6th Edition. New Jersey: John Wiley & Sons.

Gauld, B. J. B. 2014. Structures for Architects, 3rd Ed. New York: Routledge.

Hibbeler R.C. 2018. Structural Analysis, 10th Ed. New Jersey: Pearson Education.

Hibbeler, R. C. 2015. Engineering Mechanics: Statics, 14th Ed. New Jersey: Prentice Hall.

Hibbeler R.C. 2016. Mechanics of Materials, 10th Ed. New Jersey: Prentice Hall.

Hasil Pembelajaran

Course Outcomes

Bil No.	Hasil Pembelajaran Kursus <i>Course Outcome (CO)</i>
1	Menjelaskan konsep asas beban mati dan beban hidup serta menganalisis pengagihan beban pada papak <i>Describe the fundamental concepts of dead and live loads, and to analyse the loads distribution on a slab.</i>
2	Menganalisis daya-daya dalam rasuk dan seterusnya membina gambarajah daya ricih dan momen lentur <i>Analyse the forces in beams and to subsequently construct the shear force and bending moment diagrams</i>
3	Mereka bentuk rasuk berdasarkan keupayaan keratan terhadap lenturan dan ricih, dan mengaplikasikan formula pesongan rasuk. <i>Design beams based on its section properties against bending and shear, and apply the deflection formula.</i>
4	Menganalisis dan mengaplikasikan teori asas analisis kelengkungan dalam reka bentuk tiang <i>Analyse and apply the column buckling theory in column design.</i>

KKAB2313 Teknologi Binaan dan Bahan II ***Technology of Construction and Material II***

Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan kayu sebagai bahan binaan serta teknologi pembinaan kayu secara terperinci. Pelajar akan diterangkan dengan asas topik utama dan diikuti dengan perbincangan terperinci, contoh penggunaan bahan tersebut dan teknologi berkaitan serta teknologi termajuberkaitan dengan bahan binaan kayu akan dibincangkan. Antara Topik Utama yang akan dibicarakan termasuk ciri-ciri kayu dan rawatan kepada kecacatan kayu, tanggam dalam binaan bangunan kayu, prinsip reka bentuk struktur kayu, jenis-jenis kemasan kayu dan butiran pembinaan kayu.

The course aims to introduce wood as building material and wood construction technology in detail. Students will be explained with the main topics and followed by detailed discussion, with examples of the use of such materials and related technologies as well as advanced technology related to wood construction materials. Among the main topics to be discussed include the wood characteristics and treatment to the wood defects, joints in the wooden building construction, wooden structure design principles, types of wood finishes and wood construction specification.

Pra-Keperluan (jika ada): KKAB1313 Teknologi Binaan dan Bahan I
Pre-requisite (if any): *KKAB1313 Construction of Technology and Material I*

Keperluan Kursus untuk Menduduki Peperiksaan

(Rujuk Peraturan UKM Pengajian Sarjana Muda pindaan 2020).

Pelajar perlu memenuhi 80% keperluan kursus yang merujuk kepada keperluan kehadiran kuliah, ujian atau/dan penghantaran tugas pentaksiran semasa minggu pengkuliah tidak termasuk pentaksiran/peperiksaan akhir.

Bacaan Asas:

Reference:

Bernheimer, A. 2015. Timber in the City. San Francisco: ORO Editions

McLeod, V. 2015. Detail in Contemporary Timber Architecture. London: Laurence King Publishing.

Mehta, M., Scarborough, W. & Armpriest, D. 2018. Building Construction:

Principles, Materials, & Systems, 3rd Edition. Prentice Hall
 Ching, F.D.K. 2019. *Building Construction Illustrated. 6th Edition. New Jersey: John Wiley & Sons.*
 Pollock Jr, D. & Breyer, D. 2019. *Design of Wood Structure - ASD/LRFD. McGraw-Hill Education. 8th Ed.*

Hasil Pembelajaran

Course Outcomes
